

Ulama terima Islam Hadhari

Delegasi Multaqa Sedunia Alumni al-Azhar saran dunia contohi konsep Malaysia

Oleh Nor Azma Laila
dan Mohamed Farid Noh

KUALA LUMPUR: Multaqa Sedunia Alumni al-Azhar 2008 mengakui konsep Islam Hadhari yang dipelopori Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, seharusnya dicontohi dan dilaksanakan negara Islam seluruh dunia.

Delegasi multaqa itu menerima positif konsep Islam Hadhari selepas melihat sendiri kejayaan yang dirintis Malaysia, terutama dalam sektor pendidikan dan ekonomi.

Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Prof Datuk Dr Abdul Shukor Husin, berkata ulama dan cendekiawan Islam bukan saja menerima Islam Hadhari dari segi teorinya, ma-

“Beberapa perwakilan antarabangsa termasuk dari Perancis dan Libya turut menyatakan konsep ini perlu diguna pakai segera di kalangan negara Islam”

Dr Abdul Shukor Husin
Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan

lah mengesyorkan perwakilan melaksanakan konsep itu di negara masing-masing.

"Mereka mengakui Malaysia berada di landasan betul apabila memilih untuk melaksanakan konsep itu.

"Beberapa perwakilan antarabangsa termasuk dari Perancis dan Libya turut menyatakan konsep ini perlu diguna pakai segera di kalangan negara Islam dan jangan jadinya sekadar contoh yang baik tetapi tidak diamalkan," katanya selepas membentangkan kertas kerja *Pendekatan Islam Hadhari: Malaysia Sebagai Contoh* pada hari ketiga multaqa itu di sini, semalam.

Pada sesi itu, Pensyarah Universiti al-Azhar Mesir, Prof Dr Fu'ad Mo-

hamed Al-Nadi, turut membentangkan kertas kerja *Teori Politik Islam*, manakala kertas kerja bertajuk *Warisan dan Kepelbagaian* dibentangkan Prof Dr Mohamad Abd Satar dari universiti sama.

Pensyarah Jabatan Pengajian Tinggi, Kuliah Syariah di Universiti Islam Imam Muhammad Bin Suud, Arab Saudi, Prof Muhammad Ahmad Al-Salleh pula membentangkan kertas kerja bertajuk *Pemuda dan Asas Perancangan Masa Depan*.

Hadir sama Penasihat Amir Emiriah Arab Bersatu, Profesor Dr Syed Ali al-Hashimi dan ulama terkemuka Perancis, Profesor Mahmood A'Zab.

Dr Abdul Shukor berkata, delegasi multaqa itu terkejut apabila mengetahui Malaysia menerapkan konsep

pemahaman al-Quran secara menyeluruh sejak di sekolah rendah lagi menerusi J-Qaf.

"Dalam sektor ekonomi pula, kita mempunyai sistem kewangan dan perbankan Islam yang paling terkehadapan," katanya.

Dr Abdul Shukor yang juga Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) berkata, rakyat menikmati banyak faedah selepas empat tahun Islam Hadhari diperkenalkan, antaranya penekanan menguasai ilmu yang diberi perhatian utama.

"Ini dapat dilihat dalam bajet setiap tahun apabila pendidikan diberi peruntukan terbesar antara 20 hingga 25 peratus, penubuhan universiti

LIHAT MUKA 2

Islam Hadhari amal toleransi

DARI MUKA 1

baru serta kemudahan lebih baik kepada pelajar sama ada dalam atau di luar negara," katanya.

Terdahulu, pada sesi pembentangan kertas kerja, beliau berkata, pendekatan Islam Hadhari adalah usaha penting bagi proses mengimarahkan dunia dengan mengambil kira kehendak dan tuntutan syarak.

Katanya, Islam Hadhari adalah pendekatan baru dalam bentuk pelaksanaan dan pengamalan Islam bagi menuju kemajuan, kecemerlangan dan kegemilangan umat Islam.

"Islam Hadhari adalah konsep bersepadu yang bersifat antarabangsa dan bersumberkan daripada wahyu dan syariat sebenar Islam serta mengamalkan toleransi menyebabkannya mudah diterima.

"Malah, konsep itu menarik minat universiti terkemuka Perancis, iaitu Institut Kebangsaan Bahasa dan Tamadun Timur yang mahu melakukan kajian terperinci mengapa ia mampu menarik minat masyarakat antarabangsa dalam masa yang begitu pendek," katanya.